

BAB 5

Perbincangan Dan Cadangan

Pengenalan

Umumnya berdasarkan keputusan yang diperoleh dalam bab 4, jelas menunjukkan kepada kita bahawa latihan kemahiran sosial serba sedikit dapat membantu kumpulan pelajar yang menjadi subjek kajian. Namun begitu, keputusan ini merupakan keputusan kajian yang dibuat ke atas kumpulan sasaran dan tidak boleh dijadikan generalisasi terhadap pelajar keseluruhannya. Perubahan konsep kendiri pelajar-pelajar yang menjadi subjek menunjukkan mereka telah melalui proses pembelajaran atau perubahan tingkah laku.

Kesan Latihan Kemahiran Sosial

Menurut Jane (1988), ramai pelajar yang mengalami masalah daripada segi penerimaan pengajaran dan mengalami masalah kemahiran sosial perlu diberi latihan untuk mencapai kejayaan di sekolah, dalam pekerjaan, dan dalam suasana kehidupan sosial.

Dapatkan kajian juga ada persamaan dengan kajian yang telah dibuat oleh Anitia dan Kreimeyer (1987) dimana sekumpulan pelajar pra sekolah yang kurang pendengaran yang menjadi subjek kajiannya yang telah diberi latihan kemahiran sosial telah menunjukkan peningkatan terhadap konsep kendiri mereka. Hasil peningkatan konsep kendiri itu akhirnya telah berupaya membantu pelajar-pelajar

itu lebih berdaya untuk berinteraksi dengan rakan sebaya yang normal dan mengambil bahagian dalam aktiviti di kelas.

Dapatan oleh Tisdelle (1986) dalam kajiannya terhadap seorang dewasa yang mempunyai konsep kendiri yang rendah membuktikan subjeknya telah menunjukkan keyakinan diri untuk bergaul dengan masyarakat seterusnya berjaya dalam hidup juga mempunyai persamaan dengan dapatan yang telah diperoleh dalam kajian ini. Tisdelle juga telah memberi latihan kemahiran sosial kepada subjek kajiannya. Begitu juga dapatan oleh beberapa pengkaji lain sebelum ini seperti Thomas (1976), Lum (1988), Farley (1981), Mohd Sani Hussin (1991), dan Mos @ Pusia AK Sinus (1991). Walaupun kajian mereka lebih menekankan nilai statistik yang diperoleh namun yang jelas ialah peningkatan konsep kendiri subjek kajian serta kejayaan yang subjek capai lebih baik daripada sebelum mengikuti latihan kemahiran sosial.

Begitu juga dengan kaedah kelompok yang telah digunakan dalam kajian ini telah terbukti sesuai dan berkesan. Morrison (1981), menyatakan kaedah sesi kelompok dapat meningkatkan konsep kendiri pelajar. Ini terbukti dalam kajiannya ke atas 30 orang remaja yang mempunyai konsep kendiri yang rendah dapat ditingkatkan. Maka wajarlah kajian ini dilakukan ke atas kelompok pelajar yang menjadi sasaran bagi membantu mereka untuk membaiki diri serta meningkatkan pencapaian akademik.

Peningkatan kendiri sosial subjek kajian mungkin disebabkan oleh motivasi yang mendorong keperluan pelajar untuk membuat percubaan dalam peranan berinteraksi. Perbandingan dengan kajian oleh Emmert (1984) juga memberikan pendapat berkenaan dengan kendiri sosial iaitu pengiktirafan kendiri yang diperoleh oleh seseorang individu itu adalah merupakan hasil daripada

interaksi sosial individu tersebut dengan budaya sekelilingnya. Justeru itu, aktiviti kelompok yang telah dijalankan, telah menyumbangkan kepada penghargaan kendiri yang lebih positif, seterusnya dapat mengukuhkan interaksi sosial pelajar-pelajar. Hasil kajian yang telah dilakukan ini telah menunjukkan pencapaian interaksi yang semakin baik antara subjek. Pencapaian kendiri fizikal juga menunjukkan tahap yang meningkat dan ini membuktikan subjek kajian telah mencapai tahap kematangan yang sangat cepat di mana menurut Forgus (1979), remaja yang telah mencapai tahap kematangan fizikal yang awal akan mempunyai tahap penghargaan kendiri yang positif dan dengan ini dapat memudahkan mereka bergaul dengan rakan sebaya seterusnya berjaya dalam hidup.

Melalui latihan kemahiran sosial yang telah dibuat juga subjek telah dapat membuat penilaian terhadap dirinya sendiri melalui pendedahan kendiri dan menyedari kekurangan serta kekuatan yang ada padanya. Menurut Chiam (1984), pengiktirafan kendiri adalah satu daripada ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang remaja sepertimana yang diperlukan oleh orang-orang dewasa. Oleh itu, remaja perlu mendapatkan pengiktirafan kendiri dan seterusnya memantapkan kendiri peribadi haruslah bergantung kepada kecekapan mereka membuat penyesuaian dengan persekitaran.

Satu lagi yang boleh dijadikan isu ialah tentang ciri negatif pada skor moral etika sebelum latihan kemahiran sosial diberikan. Rata-rata semua subjek mempunyai ciri negatif bagi kendiri moral etika. Hasil dapatan ini menunjukkan golongan remaja masa kini mempunyai nilai moral etika yang agak rendah dan perlukan perhatian semua pihak untuk menanganinya. Kejayaan akademik semata-mata tidak melambangkan kejayaan sebenar sekiranya nilai moral etika seseorang pelajar itu rendah.. Perlakuan-perlakuan murni ialah perlakuan

mematuhi harapan keluarga, persekitaran sosial ataupun negara dan mengekalkan kelompok-kelompok sosial serta norma dalam kelompok tersebut. Menurut Fitts (1965), kendiri moral etika merujuk kepada bagaimana remaja melihat dirinya melalui ruang rujuk moral etika daripada segi akhlak, moral, kehidupan beragama dan peranan sebagai seorang manusia yang baik dan jahat.

Konsep Kendiri Dan Pencapaian Akademik

Keseluruhan subjek menunjukkan peningkatan konsep kendiri setelah rawatan diberikan. Peningkatan ini disebabkan hasil latihan kemahiran sosial yang telah diberikan. Namun, peningkatan konsep kendiri tidak seiring dengan pencapaian akademik yang dicapai pada peperiksaan percubaan yang mereka lalui selepas diberikan latihan kemahiran sosial. Terdapat beberapa kajian yang hampir menyamai keputusan yang diperoleh dalam kajian ini walaupun ukuran kajian mereka lebih menekankan nilai statistik. Antaranya kajian oleh Jamil Hashim (1989), Abdul Razak Abdullah (1988), Kalthum Othman (1986), dan Prakash Kaur (1980) mendapati konsep kendiri tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Walaupun begitu dalam jangka masa yang agak lebih panjang pencapaian dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang sebenar semua subjek menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Ini menujukkan kepada kita bahawa kesan latihan kemahiran sosial bukanlah satu bentuk rawatan jangka pendek tetapi adakalanya memerlukan pemantauan dalam jangkamasa yang lebih panjang untuk memastikan hasil keputusan yang lebih baik. Penunjuk awal telah dikesan berdasarkan peningkatan dalam konsep kendiri subjek. Dapatkan oleh Kamaliah Abu (1992), boleh menyokong pandangan ini iaitu pelajar yang menunjukkan konsep kendiri yang

tinggi berkemungkinan juga akan menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi. Selain itu, kajian oleh Rosni Ismail (1989) juga membuktikan adanya hubungan antara konsep kendiri dengan pencapaian akademik dimana pelajar yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik..

Implikasi Kajian

Perkembangan diri pelajar merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak lebih-lebih lagi pihak ibu bapa dan guru. Perkembangan kendiri pelajar perlu difahami oleh pelajar itu sendiri serta guru, ibu bapa, kaunselor dan pentadbir. Seseorang pelajar perlu sedar bagi mencapai tahap pencapaian yang cemerlang mereka perlu mempunyai konsep kendiri yang bersifat positif. Namun pelajar juga harus sedar bahawa konsep kendiri merupakan aspek yang begitu kompleks. Pembinaan konsep kendiri yang tinggi memerlukan masa yang lama serta pengalaman yang pelbagai. Sekiranya seseorang itu ingin meningkatkan konsep kendirinya ia haruslah menyesuaikan dirinya serta bersedia menerima perubahan ke arah yang lebih positif. Perubahan akan lebih berkesan sekiranya terdapat keadaan persekitaran yang boleh menyokong serta memberikan dorongan. Seorang pelajar samada di rumah atau di sekolah sudah tentu memerlukan sokongan yang kuat daripada pihak sekolah ataupun ibubapa untuk membuat perubahan. Pihak-pihak yang hampir perlulah mengambil perhatian yang serius untuk memastikan pertumbuhan, penyesuaian, dan perkembangan yang sihat terhadap aspek psikologikal dan fizikal kalangan remaja.

Kemahiran sosial pula perlu dikuasai oleh seseorang pelajar untuk membentuk diri yang lebih positif disamping tidak ketinggalan dalam persaingan yang wujud. Bagi memastikan perkembangan kemahiran sosial ini pelbagai program berkaitan seperti penglibatan dalam unit beruniform, projek anak angkat, kursus kepimpinan, dan sebagainya lagi boleh dijadikan pemangkin kepada peningkatan kemahiran sosial seseorang pelajar.

Bagi orang yang paling hampir dengan pelajar-pelajar seperti ibu bapa mereka sendiri boleh memainkan peranan yang penting untuk perkembangan aspek psikologi pelajar-pelajar. Perhatian dan sifat kasih sayang yang ditekankan dalam masyarakat perlu diterapkan sepenuhnya terutama dalam konsep kekeluargaan untuk membantu dan membimbing golongan pelajar. Perhubungan sosial yang baik dengan ibu bapa boleh menjadi dorongan kepada anak-anak untuk berkongsi cerita dengan ibu bapa. Ini membantu mereka mewujudkan suasana yang stabil dalam kehidupan.

Seterusnya , latihan kemahiran sosial yang diberikan kepada subjek juga mengujudkan kepentingan budaya kaunseling di sekolah. Walaupun di semua sekolah telah ada unit kaunseling dengan seorang kaunselor, namun hanya segelintir pelajar sahaja yang menyedari kepentingan unit tersebut. Pendedahan demi pendedahan dibuat tentang kepentingan kaunseling namun kerangnya kemahiran sosial di kalangan pelajar menyebabkan mereka kurang memanfaatkan unit tersebut. Oleh itu, melalui latihan kemahiran sosial ini telah memberi pendedahan kepada subjek bagaimana sebenarnya sesi kaunseling tersebut khususnya kaunseling kelompok.

Masalah Kajian

Dalam usaha untuk menjayakan kajian ini terdapat beberapa masalah yang wujud daripada beberapa punca. Antaranya:

- a) Berdepan dengan subjek yang lemah akademik sebenarnya merupakan satu situasi yang serba kekurangan . Banyak perkara terutamanya tentang matlamat kajian, pemilihan subjek dan sebagainya perlu diterangkan secara terperinci untuk pendedahan yang lebih jelas. Pelajar yang lemah akademik ini juga sebenarnya mempunyai sifat malas yang tinggi dan daya usaha yang rendah. Oleh itu, mereka merasakan kajian ini tidak penting bagi mereka. Pelbagai usaha terpaksa dilakukan untuk menarik perhatian subjek sepanjang kajian agar mereka melakukan aktiviti dengan baik.
- b) Terdapat faktor-faktor luaran yang di luar kawalan pengkaji yang boleh menganggu penumpuan subjek menjalani rawatan. Contohnya dalam tempoh rawatan terdapat dua orang subjek yang telah dikenakan tindakan disiplin kerana melanggar peraturan sekolah. Kesalahan yang mereka dilakukan ialah membawa gambar lucu dan bermalam di sekolah tanpa kebenaran. Akibatnya sebelum mengadakan sesi kelompok subjek yang terlibat diberikan kaunseling individu untuk menstabilkan keadaan mereka.
- c) Jumlah aktiviti dalam latihan kemahiran sosial juga tidak mencukupi dan perlu ditambah untuk melihat kesan yang lebih baik.
- d) Oleh kerana kajian ini berbentuk kualitatif, pemerhatian berterusan perlu dibuat. Namun begitu, pemerhatian terhadap subjek hanya mampu dibuat ketika subjek berada di sekolah sementara di luar situasi tersebut hanya berdasarkan persepsi orang luar yang paling hampir dengan subjek seperti ibu atau ayah. Kemungkinan terdapat fakta yang mungkin tidak benar.

Cadangan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang bukanlah menjadi satu generalisasi kepada pelajar secara keseluruhannya kerana ia hanya melibatkan subjek terpilih sahaja. Namun begitu, hasil kajian ini terdapat saranan yang boleh dijadikan panduan untuk kajian mungkin lebih baik atau lebih terperinci untuk dijadikan panduan umum.

- a) latihan kemahiran sosial yang telah dilaksanakan dalam kajian ini boleh dijalankan kepada golongan remaja untuk meningkatkan konsep kendiri mereka serta meningkatkan pencapaian akademik.
- b) Bagi pengkaji yang akan menjalankan kajian yang sama bolehlah membuat perancangan yang lebih sistematik dan rapi untuk satu kajian yang lebih kompleks dan meluas. Ini kerana dalam kajian yang telah dibuat ini hanya terhad kepada 10 orang subjek dan hanya melihat konsep kendiri umum sementara empat lagi konsep kendiri tidak diuraikan.
- c) Bagi mencapai keputusan yang lebih baik atau peningkatan skor konsep kendiri yang lebih tinggi, sesi kelompok yang dilaksanakan perlulah ditambah serta dengan bantuan seorang fasilitator.

Kesimpulan

Kajian ini merupakan salah satu daripada kesinambungan kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Hasil daripada kajian ini diharapkan boleh menjadi satu perbandingan ataupun perintis kepada kajian di masa akan datang. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada umum

untuk melibatkan diri bagi membantu perkembangan psikologikal para remaja masa kini. Aspek-aspek kemahiran sosial harus ditekankan di kalangan remaja kerana ia amat penting untuk membantu mereka bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan kehidupan.